



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

2010-2014







Putrajaya bercahaya di waktu malam

Isi Kandungan

Perutusan

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Kata Alu-aluan

Ketua Setiausaha

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Ringkasan Eksekutif

<i>Pengenalan</i>	2
<i>Latar Belakang KWPKB</i>	4
Fungsi dan Bidang Kuasa	6
Struktur Organisasi KWPKB	7
Pihak Berkepentingan dan Pelanggan	8
<i>Aspirasi</i>	10
Aspirasi Nasional	10
Aspirasi KWP	10
<i>Visi</i>	11
<i>Misi</i>	12
<i>Moto</i>	12
<i>Nilai Teras</i>	13
<i>Rangka Strategik</i>	14
<i>Teras Strategik</i>	15
Teras 1 : Modal Insan	19
Teras 2 : Aspek Ekonomi	25
Teras 3 : Nilai Tambah	33
Teras 4 : Teknologi	37
Teras 5 : Alam Sekitar	43
Teras 6 : Penyertaan Masyarakat	49
<i>Pelan Pelaksanaan</i>	57
<i>Langkah Susulan</i>	58

Perutusan



Menteri

**Wilayah Persekutuan dan
Kesejahteraan Bandar**

"....konsep "1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" adalah satu wadah yang boleh dijadikan asas kepada penggubalan Pelan Strategik Kementerian dalam perancangan, pengurusan dan penyelarasan pembangunan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) dan kesejahteraan bandar di seluruh negara yang memberi impak yang amat besar kepada pembangunan Malaysia."

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) telah dipertanggungjawab untuk memacu, mengurus, membantu dan memantau pembangunan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan, iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya serta membasmi kemiskinan dalam bandar di Malaysia. Ketiga-tiga wilayah ini merupakan kawasan yang sangat signifikan dalam pembangunan Malaysia, manakala pembasmian kemiskinan bandar adalah elemen penting dalam aspek kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara. Dengan itu, tadbir urus yang cemerlang dan berkesan perlu dibudayakan agar segala bentuk pembangunan, program dan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan akan memberi kesan dan faedah kepada rakyat.

Konsep 7P (Pembangunan, Perumahan, Penjaja dan Peniaga Kecil, Pengangkutan Awam, Penyelenggaraan, Penguatkuasaan dan Prihatin) adalah merupakan elemen yang kritikal dan penting dalam menangani isu dan masalah di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dan semua bandar di Malaysia. Sesuatu isu dan masalah sekiranya dapat diatasi akan melonjakkan imej ketiga-tiga Wilayah dan juga akan dapat memberikan impak kepada kesejahteraan masyarakat bandar.

Perkhidmatan KWPKB perlu menjangkau kepentingan setiap warga Wilayah dan bandar yang harus diberi pembelaan sewajarnya mengikut keperluan dan kehendak setempat. Walaupun pada realitinya adalah sukar untuk memuaskan hati setiap warga Wilayah dan bandar, namun Kementerian ini perlulah memastikan bahawa segala pertimbangan dan keputusan yang berkaitan dengan perancangan dan pembangunan wajar mengambil kira impaknya ke atas kepentingan ramai, dan bukan hanya untuk sekelompok kecil rakyat.

Sehubungan itu, Pelan Strategik KWPKB (2010-2014) merupakan satu *blue print* yang menjadi hala tuju yang dilengkapi dengan objektif, strategi dan pelan tindakan bagi mencapai visi dan misi KWPKB yang mendokong teras utama Misi Nasional dan Konsep “1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” untuk membangunkan negara agar Malaysia menjadi negara yang maju dengan rakyat minda kelas pertama.



Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin

Kata Alu-aluan



Ketua Setiausaha

**Kementerian Wilayah
Persekutuan dan Kesejahteraan
Bandar**

"..... Untuk memperkasa sistem penyampaian KWPKB dan agensi-agensinya, maka setiap pegawai di semua peringkat perlulah proaktif dan responsif serta mempunyai 'sense of urgency' yang disokong dengan semangat kerjasama yang padu"

Pelan Strategik KWPKB (2101-2014) merupakan usaha Kementerian untuk merangka asas kerja dan tindakan yang menjadi panduan kepada seluruh warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dalam merancang, mengurus, melaksana dan memantau pelaksanaan program dan projek.


Dalam menghadapi cabaran semasa, persekitaran yang dinamik, perubahan iklim global dan keperluan semasa Malaysia, KWPKB telah mengambil tindakan untuk mengkaji semula pelan strategiknya sejajar dengan Wawasan 2020, Teras Utama Misi Nasional, dasar semasa kerajaan serta aspirasi pucuk kepimpinan negara.

Pelan Strategik KWPKB ini disediakan dengan mengambil kira keperluan bagi disesuaikan dengan peranan Kementerian selaras dengan perkembangan semasa. Sehubungan itu, Pelan Strategik ini telah membentuk rangka kerja yang lebih terperinci bagi membolehkan setiap warga KWPKB berperanan dan melaksanakan tugas dengan lebih berfokus. Pelan Strategik ini juga merangka Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang menggariskan sasaran yang perlu dicapai untuk menentukan kejayaan matlamat Pelan Strategik ini.

Bagi merealisasikan Visi, Misi dan Pelan Strategik KWPKB, pihak pengurusan atasan adalah amat komited dan sentiasa menyanjung sokongan semua pegawai dan kakitangan. Komitmen dan sokongan yang dipadukan dengan semangat kerjasama, sentiasa peka, proaktif dan responsif dengan mengambil kira ketepatan (*precision*) dan kesegeraan (*sense of urgency*) seiring dengan kehendak pihak berkepentingan dan para pelanggan akan membolehkan KWPKB mencapai kejayaan seperti yang dirancang dan diharapkan. Insya-Allah.




Dato' Hj Ahmad Phesal bin Hj Talib




Ringkasan Eksekutif

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN telah ditubuhkan semula pada 27 Mac 2004 untuk menerajui kemajuan dan pembangunan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Oleh yang demikian, Kementerian perlu mempunyai hala tuju yang jelas dan strategi yang mantap bagi memastikan ketiga-tiga wilayahnya mencapai aspirasi Kerajaan Persekutuan.

Kementerian telah merangka visi dan misi seawal penubuhannya dengan menggubal Pelan Strategiknya bagi jangka masa 2005-2010. Ini adalah usaha Kementerian untuk membentuk identitinya, memperjelas budaya kerja dan menentukan arah tuju dalam memacu perancangan dan pembangunan Wilayah Persekutuan.





Perubahan persekitaran dan keperluan semasa yang berlaku dengan pesat memerlukan Kementerian untuk mengkaji semula Pelan Strategiknya pada tahun 2008. Kajian semula Pelan Strategik ini telah diselaraskan dengan peranan KWPKB yang telah diperkukuhkan dan diperluaskan iaitu bertanggungjawab membasmi kemiskinan bandar seluruh negara termasuk golongan berpendapatan dibawah RM3000 sebulan yang telah dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Belanjawan 2010 pada 23 Oktober 2009. Lanjutan dengan pengumuman tersebut, Kementerian ini dikenali dengan nama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB).

Visi Pelan Strategik yang baru iaitu “Wilayah Persekutuan Maju dan Bandar Sejahtera” dimantapkan dengan misinya iaitu “Menerajui kemajuan dan pembangunan Wilayah Persekutuan, meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan membasmi kemiskinan bandar”. Nilai Teras Kementerian “Cemerlang, Amanah, Mesra dan Prihatin” merupakan tunjang pegangan warga Kementerian dalam berkhidmat untuk rakyat dan Kerajaan.

Teras Strategik KWPKB (**MANTAP**) Modal Insan, Aspek Ekonomi, Nilai Tambah, Teknologi, Alam Sekitar dan Penyertaan Masyarakat yang telah dikenal pasti semasa penggubalan Pelan Strategik yang terdahulu masih didapati sesuai untuk dikekalkan dan dijadikan asas untuk membentuk objektif strategi dan pelan tindakan untuk merealisasikan visi dan misi Kementerian.

Kementerian juga telah membentuk Rangka Tindakan Pelan Strategik yang membolehkan Kementerian dan agensinya melaksana dan memantau program serta aktiviti yang telah digariskan dalam Pelan Strategik KWPKB agar mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

